

**SOALAN NO: 40**

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Lisan**

**DARIPADA : Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]**

**TARIKH : 3 Ogos 2017**

**SOALAN : Dr. Tan Seng Giaw minta MENTERI  
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS  
TANI menyatakan: -**

jenis subsidi yang diberi seperti beras dan diesel nelayan. Apakah wujud penyelewengan dan langkah mengatasinya.

## JAWAPAN

**Tuan Yang Dipertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat pelbagai jenis subsidi dan insentif yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan bagi membantu golongan pesawah dan nelayan di negara ini. Antaranya ialah Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBKP), Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP), Insentif Benih Padi Sah (IBPS), Skim Subsidi Harga Padi, Skim Baja dan Racun Padi Bukit, Insentif Input Pengeluaran Padi (IIPP), Insentif Hasil Tangkapan Ikan dan Skim Subsidi Petrol dan Diesel Nelayan.

Setakat ini, semua program tersebut telah berjalan dengan baik dan pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan dan Agensi yang terlibat telah melaksanakan pelbagai penambahbaikan ke atas kelemahan-kelemahan yang telah dikenalpasti.